

14 MEI 2018

## Tujuh guni ketum kena rampas



ANGGOTA ATM menunjukkan daun ketum yang dirampas.

## Tujuh guni ketum kena rampas

**Padang Terap:** Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mematahkan cubaan menyeludup 170 kilogram (kg) daun ketum dianggarkan bernilai lebih RM15,000 di Pos Sahara, Durian Burung di sini,

kelmarin. Panglima 6 Briged Brigedier Jeneral Abdul Aziz Ismail berkata, daun ketum itu ditemui ditinggalkan di kawasan semak ketika pasukan Batalion Kedua Renjer

Diraja (2RRD) melakukan rondaan kira-kira jam 9.30 pagi.

"Rondaan diketuai Koperal Mohd Mustakim Hashim menemui tujuh guni putih di kawasan semak berdekatan

pos berkenan, pemeriksaan lanjut mendapati terdapat 1,500 bungkus kecil daun ketum.

"Daun ketum itu dipercayai ditinggalkan di kawasan berkenaan sebelum diseludup pihak ketiga ke negara jiran," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Abdul Aziz berkata, penyeludupan daun ketum ke Thailand semakin berleluasa disebabkan permintaan dan harga yang tinggi iaitu RM90 sekilogram.

Beliau turut meminta orang awam tidak terbabit aktiviti penyeludupan daun ketum kerana ia boleh menjejaskan keselamatan negara.

Katanya, semua daun ketum itu dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Nerang untuk siasatan lanjut.